



**KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA
(MOTAC)**

**GARIS PANDUAN
KUMPULAN WANG AMANAH
KEBUDAYAAN DAN KEBAJIKAN PENGGIAT SENI (KWAKKPS)**

**Kumpulan Wang Amanah Kebudayaan dan Kebajikan Penggiat Seni
di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957**

1.0 TUJUAN

Garis Panduan ini bertujuan untuk memberi panduan dan penerangan yang jelas mengenai syarat-syarat, kelayakan, takrif dan prosedur permohonan kepada individu (penggiat/aktivis) dan NGO yang ingin memohon bantuan peruntukan dari tabung-tabung di bawah Kumpulan Wang Amanah Kebudayaan dan Kebajikan Penggiat Seni (KWAKKPS).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Penubuhan Tabung Kebajikan Penggiat Seni (TKPS) telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam ucapan pembentangan Bajet 2010 pada 23 Oktober 2009. Sejumlah RM3 juta telah diperuntukkan sebagai geran pelancaran.
- 2.2 Jemaah Menteri dalam mesyuarat pada 17 Disember 2010 telah bersetuju supaya ditubuhkan satu **Kumpulan Wang Amanah Kebudayaan dan Kebajikan Penggiat Seni** di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957.
- 2.3 Jemaah Menteri juga bersetuju supaya baki kewangan daripada 3 Akaun di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) iaitu Akaun Amanah Kebudayaan (Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957), Akaun Amanah Pembangunan Seni dan Muzik (Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957) dan Tabung Kebajikan Penggiat Seni yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam Ucapan Bajet 2010 pada 23 Oktober 2009 diakaunkan ke dalam Kumpulan Wang Amanah Kebudayaan dan Kebajikan Penggiat Seni ini (KWAKKPS).

- 2.4 Setelah penstrukturan semula Jemaah Menteri pada bulan Mei 2013, Sektor Kebudayaan yang menyelaras Kumpulan Wang Amanah Kebudayaan dan Kebajikan Penggiat Seni (KWAKKPS) ini telah dipindahkan dari Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) dan sehingga kini diletakkan di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC). KWAKKPS turut dibawa bersama di bawah bidang kuasa MOTAC.

3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Untuk memastikan kebajikan penggiat seni sentiasa terbela dan diberi perhatian sewajarnya;
- 3.2 Untuk meringankan beban kewangan dan membela nasib penggiat seni khususnya yang uzur dan daif;
- 3.3 Sebagai tanda semangat dan sokongan kepada penggiat terbabit agar terus berkarya, berkreaitif dan meneruskan kesinambungan warisan, seni dan budaya; dan
- 3.4 Untuk menyeragamkan bantuan yang diberikan kepada golongan penggiat seni oleh MOTAC serta jabatan/agensi di bawahnya.

4.0 AKAUN DI BAWAH KWAKKPS

4.1 TABUNG A (AKAUN I) – Tabung Kebajikan Penggiat Seni (TKPS)

- 4.1.1 Penubuhan tabung ini bertujuan untuk memastikan kebajikan penggiat seni sentiasa terbela dan diberi perhatian. Bantuan kewangan diberikan untuk individu/penggiat seni berdasarkan kepada **EMPAT (4) KATEGORI BANTUAN** seperti berikut:

BIL	BANTUAN	HAD MAKSIMUM (RM)	NOTA
1.	Ehsan	10,000.00	Mengikut kadar yang ditetapkan MOTAC.
2.	Khairat Kematian	5,000.00	Kadar Tetap & Sekali Beri.
3.	Perubatan	10,000.00	Bergantung pada laporan dan bil perubatan.
4.	Bencana Alam	5,000.00	Bergantung pada taksiran kerugian (banjir, tanah runtuh, kebakaran dll).

4.1.2 **Takrif Penggiat Seni**

- Penulis
- Pelakon/Pelawak
- Penyanyi
- Pemuzik
- Pelukis
- Kraf Tangan
- Teater
- Seni Mempertahankan Diri
- Lain-lain yang berkaitan dengan bidang seni, budaya dan warisan

4.1.3 **Syarat-syarat Kelayakan**

- Penggiat seni Malaysia/penduduk tetap atau warganegara Singapura yang seangkatan dengan seniman Allahyarham Tan Sri P. Ramlee;
- Bergiat secara aktif dalam bidang seni sekurang-kurangnya bagi tempoh tiga (3) tahun dan telah diiktiraf oleh kerajaan;
- Berumur 60 tahun ke atas adalah diberi keutamaan;
- Mempunyai peribadi dan latar belakang yang baik serta tiada rekod jenayah;
- Tidak mempunyai pendapatan atau sumber kewangan yang mencukupi dan telah dibuktikan oleh mana-mana pihak; dan

- Mengidap penyakit kronik yang disahkan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan dan rawatan hendaklah dibuat di hospital/klinik kerajaan sahaja.

4.1.4 **Prosedur Permohonan**

Semua permohonan mestilah menggunakan Borang **KWAKKPS-Tabung A-TKPS2025** dengan disertakan dokumen-dokumen seperti berikut:

- Salinan Kad Pengenalan pemohon/waris yang disahkan (bagi permohonan Khairat Kematian);
- Salinan muka hadapan buku akaun bank pemohon/waris yang disahkan;
- Salinan Sijil Kematian yang disahkan (bagi permohonan Khairat Kematian);
- Surat Pengesahan/Laporan Perubatan dan bil/resit perubatan (bagi permohonan Perubatan);
- Salinan Laporan Polis atau jabatan/agensi berkuasa yang berkaitan (bagi permohonan Bencana Alam);
- Maklumat sumbangan dalam bidang seni yang disahkan oleh jabatan/agensi di bawah MOTAC atau NGO yang berkaitan; dan
- Permohonan hendaklah melalui jabatan/agensi di bawah MOTAC atau yang berkaitan bagi mendapatkan ulasan, perakuan dan syor bantuan.

4.2 **TABUNG B (AKAUN II) – Tabung Amanah & Sumbangan (TAS)**

Akaun ini merupakan hasil penjanaan daripada sumbangan atau pemberian individu, syarikat atau pihak kerajaan atau hasil jualan tiket, penerbitan dan sewaan prasarana yang tertakluk di bawah Surat Ikatan Amanah bagi Kumpulan Wang Amanah Kebudayaan dan Kebajikan Penggiat Seni (KWAKKPS).

Pemberian bantuan kewangan di bawah akaun ini terbuka kepada individu (Penggiat Seni) dan Pertubuhan (NGO/NPO) bagi tujuan pelaksanaan projek atau kegiatan seperti berikut:

- Kegiatan pengembangan dan penggalakan seni dan budaya tempatan dalam bentuk pementasan, latihan, pertandingan, pameran, pembelian peralatan dan kegiatan-kegiatan seumpunya yang diluluskan oleh MOTAC;
- Pemuliharaan aspek kebudayaan dan kesenian masyarakat Malaysia seperti kenduri adat, bimbingan kumpulan pelapis dan seumpamanya; dan
- Penyelidikan berkaitan kebudayaan dan kesenian masyarakat penduduk Malaysia.

4.2.1 **Syarat-syarat Kelayakan**

- Individu/Penggiat Seni, NGO dan NPO yang bergiat dalam bidang seni dan budaya yang tidak berorientasikan keuntungan;
- Individu/Penggiat Seni, NGO dan NPO yang tidak mempunyai sumber kewangan yang kukuh;
- Individu/Penggiat Seni, NGO dan NPO yang mempunyai perancangan yang baik untuk meningkatkan industri seni dan budaya; dan
- Individu/Penggiat Seni, NGO dan NPO yang menganjurkan program/aktiviti/acara yang memberi manfaat/impak kepada kumpulan sasar.

4.2.2 **Prosedur Permohonan**

Semua permohonan mestilah menggunakan Borang **KWAKKPS Tabung B-TAS2025** dengan disertakan dokumen-dokumen seperti berikut:

- Salinan Kad Pengenalan/pasport pemohon yang disahkan (individu);
- Salinan Sijil Pendaftaran Pertubuhan (ROS) atau Surat Perakuan Universiti yang disahkan (NGO/NPO);
- Salinan muka hadapan buku akaun bank pemohon yang disahkan (individu/NGO/NPO);
- Salinan penyata kewangan terkini pemohon (NGO/NPO);
- Kertas kerja permohonan yang lengkap dan mempunyai maklumat merangkumi:
 - ✓ Keterangan Program/Aktiviti/Acara;
 - ✓ Senarai AJK NGO/NPO

- ✓ Jumlah Ahli Persatuan
- ✓ Alamat, nombor telefon/faks dan nama pegawai untuk dihubungi;
- ✓ Senarai program/aktiviti/acara yang terdahulu;
- ✓ Perancangan pelaksanaan program/aktiviti/acara tahun semasa dan akan datang; dan
- ✓ Permohonan hendaklah melalui jabatan/agensi di bawah MOTAC atau yang berkaitan bagi mendapatkan ulasan, perakuan dan syor bantuan.

4.2.3 Surat Setuju Terima Bantuan Bagi Tabung B (TAS)

- Penerima perlu mematuhi ketetapan dan lain-lain syarat tambahan dalam pemberian bantuan oleh pihak MOTAC; dan
- Surat Setuju Terima (SST) yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada pihak MOTAC dalam tempoh 7 HARI daripada tarikh surat tawaran dikeluarkan.

4.2.4 Peranan Penerima Bantuan Tabung B (TAS)

- Laporan pelaksanaan program hendaklah dikemukakan kepada MOTAC dalam masa 30 HARI/SEBULAN;
- Setiap program/aktiviti/acara yang menerima bantuan ini perlu memberi pengiktirafan atau kredit dengan memaparkan logo MOTAC dalam setiap elemen publisiti yang dikeluarkan; dan
- Penerima bantu perlu akur pada Perlembagaan Negara dan tidak boleh melanggar mana-mana peraturan atau undang-undang kerajaan yang sedang berkuat kuasa.

5.0 CARA MEMOHON DAN SEBARANG PERTANYAAN

Permohonan adalah tertakluk kepada Surat Ikatan Amanah bagi Kumpulan Wang Amanah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 serta Garis Panduan Bantuan Kebudayaan melalui Jawatankuasa Panel Penilai Kebudayaan dan Jawatankuasa KWAKKPS.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Urus Setia KWAKKPS, MOTAC seperti butiran di bawah:

Urus Setia KWAKKPS
Bahagian Dasar Kebudayaan
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
Aras 4, No.2, Menara 1
Jalan P5/6, Presint 5
62200 Putrajaya.
Tel: 03-8891 7537/7457
E-mel: kwakkps@motac.gov.my

Disediakan oleh:

Unit Pemerkasaan Industri Budaya
Bahagian Dasar Kebudayaan
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

Tarikh: 17 Mac 2025